KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia











INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI

INDEKA 2021

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia











INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI

INDEKA 2021

© SuruhanJaya Koperasi Malaysia, 2022

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) diperbadankan pada 1 Januari 2008 di bawah Akta 605. SKM ditubuhkan dengan visi utama, sebagai Peneraju Kecemerlangan Koperasi bagi menjadikannya Penyumbang Berkesan kepada Pembangunan Negara. Objektif penubuhan SKM adalah untuk merangsang pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif sosio-ekonomi negara; Mengalakkan sektor koperasi yang kukuh kewangannya, progresif dan mampan; dan; Mengekalkan keyakinan dalam gerakan koperasi.

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN 2682-888X

Diterbitkan oleh :

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03-20834000
Faks: 03-20834100
E-Mel: webmaster@skm.gov.my

MAXCISNIAGA
SDN. BHD. (1365927-U)

Dicetak oleh:

Maxcis Niaga Sdn. Bhd.
No. 3-2 Jalan Selasih K U12/K
Cahaya Alam, Seksyen U12
40170 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-3362 4600
Faks: 03-3362 4601
E-Mel: biz@maxcisniaga.com

KANDUNGAN

Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi 2021 (IndeKA' 21)

1	Ringkasan Eksekutif	7
2	Senarai Jadual dan Rajah	11
3	Latar Belakang	13
4	Pengenalan	17
5	Skor Keseluruhan IndeKA 2021	19
6	Metodologi	33
7	Domain Ekonomi Anggota	39
8	Domain Pembangunan Kendiri	45
9	Domain Keberkesanan Pengurusan	49
10	Domain Kawalselia dan Tadbir Urus	55
11	Domain Hubungan Sosial	61
12	Domain Penggunaan Teknologi	67
13	Annexture	71
13	Pasukan Penyelidikan	125

KATA PENGANTAR

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Salam Keluarga Koperasi Malaysia.

Koperasi merupakan gerakan kolektif yang mempunyai modal sosial penting dalam menyatukan masyarakat untuk mencapai matlamat sosial, ekonomi dan budaya. Menerusi koperasi rakyat dapat bekerjasama dan bergabung bagi berkongsi kemakmuran bersama melalui aktiviti ekonomi.

Setelah 100 tahun wujudnya gerakan koperasi di negara ini, penting untuk kita menilai sejauhmana gerakan ini memberi impak terhadap kesejahteraan hidup anggotanya. Ini bagi memastikan gerakan koperasi kekal dengan misi dan visi bagi memenuhi keperluan bersama anggota yang bergerak atas prinsip-prinsip koperasi.

Menerusi hasil kajian IndeKA 2021 ini, saya berharap semua pemegang taruh akan dapat menilai dan melaksanakan program intervensi yang sewajarnya bagi memastikan gerakan koperasi terus maju dan lestari, dan menjadi penyumbang signifikan kepada kesejahteraan anggota. Ini juga menjadi tanda aras kejayaan program Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam kajian IndeKA 2021, khususnya kepada pasukan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia.Suruhanjaya Institut Koperasi Malaysia dan Koperasi Malaysia.

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KATA ALU-ALUAN

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Salam Keluarga Koperasi Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas kejayaan membangunkan Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi 2021 (IndeKA 2021) yang lebih bermakna dan inklusif dalam mengukur kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia.

Pembangunan Indeks ini bertujuan memastikan usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi dan kesejahteraan anggota koperasi dapat dicapai selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi (~~TransKoM~~) 2021 – 2025. IndeKA 2021 merupakan aktiviti di bawah KPI Bidang Tujahan 1: Penerapan Nilai Kemakmuran Bersama yang dijajarkan dengan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Hasil kajian IndeKA tahun 2021 berbanding tahun 2018 menunjukkan peningkatan nilai kesejahteraan anggota koperasi meningkat daripada sederhana kepada memuaskan. Keputusan Indeks ini adalah input kepa KUSKOP dalam merancang polisi Kementerian dan hala tuju gerakan koperasi di Malaysia. Indeks ini juga menjadi panduan kepada agensi yang berkaitan bagi merangka program intervensi yang bersesuaian dalam konteks meningkatkan lagi kesejahteraan anggota.

Jesteru itu, saya berharap IndeKA 2021 ini akan kekal menjadi pengukur tanda aras kesejahteraan anggota koperasi yang relevan kepada gerakan koperasi dan semua pemegang taruh yang bertanggungjawab.

DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KATA ALU-ALUAN

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Salam Keluarga Koperasi Malaysia.

Alhamdulillah IndeKA 2021 telah berjaya diterbitkan seperti yang dijadualkan. IndeKA 2021 ini adalah kesinambungan daripada IGKM 2018. Hasil IndeKA 2021 telah menunjukkan peningkatan skor kepada tahap memuaskan berbanding sederhana pada tahun 2018.

Tahun 2022 cukup bermakna apabila gerakan koperasi akan meraikan sambutan 100 tahun kewujudannya di negara ini dalam bersama membangun, menyusun dan memperkasakan masyarakat dan negara. IndeKA 2021 menjadi panduan dalam memastikan gerakan koperasi untuk terus kekal relevan memainkan peranannya selama ini dan untuk tahun-tahun yang mendatang. Mengambil kira aspek keterangkuman, enam domain IndeKA 2021 telah diselaraskan dengan lima bidang tujahan yang terdapat di dalam ~~TransKoM~~ 2021-2025.

Setiap domain yang dinilai telah mencatatkan peningkatan secara keseluruhannya. Namun begitu masih terdapat banyak ruang yang boleh ditambahbaik. Usaha yang berterusan daripada semua pihak yang terlibat dalam gerakan koperasi amatlah penting dalam memast faedah kesejahteraan yang lebih baik kepada anggota.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan kekal komited dalam memastikan bahawa semua dapatan daripada kajian ini akan digunakan dalam proses pemetaan halatuju yang lebih berimpak, bersasar dan berfokus. Adalah diharapkan IndeKA 2021 dapat membantu pemegang taruh gerakan koperasi dalam proses penambahbaikan yang berterusan. Syabas, tahniah dan terima kasih kepada pasukan penyelidik dan pakar rujuk dalam menghasilkan laporan IndeKA 2021.

DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON
PENGERUSI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

RINGKASAN
EKSEKUTIF

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2021


RINGKASAN EKSEKUTIF

Indeks bagi mengukur kesejahteraan anggota koperasi telah bermula sejak tahun 2018 dikenali sebagai Indeks Gerakan Koperasi Malaysia (IGKM). la kemudian telah dijenamakan semula pada tahun 2021 sebagai Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA). Indeks ini merupakan penanda aras kepada tahap kesejahteraan anggota berkoperasi.

IndeKA mengukur tiga aspek utama yang mempengaruhi kesejahteraan anggota iaitu ekonomi, sosial dan persekitaran. Enam domain yang mewakili tiga aspek tersebut adalah Domain Ekonomi Anggota, Pembangunan Kendiri, Keberkesanan Pengurusan, Kawal Selia dan Tadbir Urus, Hubungan Sosial dan Penggunaan Teknologi. Sebanyak 2112 responden dalam kalangan anggota koperasi dewasa mewakili populasi anggota koperasi. Proses persampelan menggunakan kaedah persampelan rawak berperingkat berdasarkan negeri, kluster dan kategori kumpulan sasar yang ditentukan secara berkadar. Pengumpulan data diperoleh menerusi pengedaran borang soal selidik secara dalam talian.

Skor IndeKA bagi tahun 2021 ialah 74.6 iaitu berada di tahap memuaskan. Skor ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2018 iaitu pada tahap sederhana dengan skor 69.8. Skor bagi setiap domain dan indikator adalah seperti berikut:

Rajah 1 : Skor Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi 2021



Dapatan IndeKA 2021 akan diguna pakai bagi merangka program intervensi yang bersesuaian berdasarkan domain yang berkaitan. Pelaksanaan program intervensi ini akan disejajarkan dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (~~TransKoM~~).

SENARAI RAJAH

Rajah 7 : Skor Indeks Kesejahteraan Anggota 2021 8
Rajah 8 : Hubungan Antara Tujahan dengan Domain IndeKA 2021 15
Rajah 9 : Skor IndeKA Tahun 2018 dan 2021 18
Rajah 10 : Proses Pensampelan Berperingkat 19
Rajah 11 : Proses Pengumpulan Data 22
Rajah 12 : Skor Domain Ekonomi Anggota 34
Rajah 13 : Skor Domain dan Indikator Ekonomi Anggota Berdasarkan Lokaliti 35
Rajah 14 : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota 36
Rajah 15 : Skor Domain Ekonomi Anggota Mengikut Negeri 36
Rajah 16 : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Status Pekerjaan 37
Rajah 17 : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Kluster Koperasi 38
Rajah 18 : Skor Domain dan Indikator Pembangunan Kendiri 40
Rajah 19 : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Lokaliti 40
Rajah 20 : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Umur 41
Rajah 21 : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Status Pekerjaan 42
Rajah 22 : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Kluster Koperasi 42
Rajah 23 : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan 46
Rajah 24 : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Tempoh Keanggotaan 47
Rajah 25 : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Status Pekerjaan 47
Rajah 26 : Skor Domain Kawal Selia dan Tadbir Urus 50
Rajah 27 : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Kluster Koperasi 51
Rajah 28 : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Lokaliti 51
Rajah 29 : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Umur 52
Rajah 30 : Skor Domain Tadbir Urus dan Kawal Selia Berdasarkan Status Pekerjaan 53
Rajah 31 : Skor Domain Hubungan Sosial 56
Rajah 32 : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Lokaliti 57
Rajah 33 : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Umur 57
Rajah 34 : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Status Pekerjaan 58
Rajah 35 : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Kluster Koperasi 59
Rajah 36 : Skor Domain Penggunaan Teknologi 62
Rajah 37 : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Lokaliti 63
Rajah 38 : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Umur 63
Rajah 39 : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Status Pekerjaan 64
Rajah 40 : Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Kluster Koperasi 65

LATAR BELAKANG

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2021



LATAR BELAKANG

Gerakan koperasi telah mencapai 100 tahun kewujudannya di Malaysia. Di sepanjang tempoh ini, koperasi telah menyumbang secara signifikan terhadap sosio-ekonomi rakyat. Koperasi pertama yang didaftarkan di Tanah Melayu adalah koperasi kredit bandar, Syarikat Bekerjasama-Sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja- Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad atau The F.M.S Post and Telegraph Co-operative Thrift and Loan Society Limited yang didaftarkan pada 21 Julai 1922. Tarikh ini menjadi tarikh keramat yang menjadikan 21 Julai sebagai tarikh Sambutan Hari Koperasi di Malaysia.

Koperasi telah menunjukkan suatu evolusi yang membanggakan dalam menyumbang terhadap sektor ekonomi negara. Kini, koperasi telah melebarkan aktiviti perniagaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat. Statistik menunjukkan terdapat peningkatan prestasi dari segi bilangan keanggotaan, pengumpulan aset serta syer dan yuran oleh koperasi.

Dalam tempoh sepuluh tahun (2011-2020) perolehan koperasi telah meningkat sebanyak 92.79% daripada RM21.50 bilion pada tahun 2011 kepada RM41.45 bilion pada tahun 2020. Pencapaian ini menunjukkan kejayaan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 yang telah dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun. Melihat kepada perkembangan ini, perancangan program pembangunan koperasi dapat dilaksanakan sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama agar kekayaan koperasi itu dapat memberi impak yang signifikan kepada komuniti koperasi. Aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah menggariskan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang terus membangun secara mampan, seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif YAB Perdana Menteria Malaysia dalam ucapannya semasa perasmian Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 menyatakan bahawa gerakan koperasi sebagai institusi bumiputera berpendapatan rendah terbesar adalah *silver bullet* kepada objektif yang ingin dicapai dalam WKB2030.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah membangunkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKom) yang mengandungi lima tujahan. Tujahan pertama iaitu Penerapan Nilai Kemakmuran Bersama telah menetapkan Petunjuk Prestasi agar kesejahteraan anggota koperasi dapat diukur bagi menilai sumbangan koperasi terhadap sosio-ekonomi anggota. Ia juga menjadi tanda aras sejauh mana kekayaan koperasi dinikmati secara adil dan saksama.

Sehubungan itu skor IndeKA akan menjadi satu tanda aras dalam melaksanakan program intervensi dan juga sebagai panduan pihak pemegang taruh dalam merangka program yang inklusif dan komprehensif agar dapat memenuhi keperluan kumpulan sasar dalam gerakan koperasi.

PENGENALAN

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2021

PENGENALAN

~~Indeks Kesejahteraan Anggota~~ (IndeKA)

Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA ~~2021)~~ sebelum ini dikenali sebagai Indeks Gerakan Koperasi Malaysia (IGKM) yang dilaksanakan pada tahun 2018. IndeKA bertujuan mengukur tahap kesejahteraan anggota koperasi hasil daripada pelaksanaan Dasar Koperasi Negara 2011-2020. Hasil kajian ini penting sebagai panduan pelaksanaan program intervensi dalam pelaksanaan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025.

Sebanyak enam domain dan 14 indikator ditambahbaik berdasarkan konteks semasa. Pengukuran dilakukan berdasarkan faktor-faktor yang merangkumi ekonomi, sosial, modal insan, pengurusan, kawal selia dan penggunaan teknologi. Konsep kesejahteraan dalam IndeKA merujuk kepada kepuasan anggota berkoperasi.

Objektif umum pembangunan IndeKA 2021 adalah untuk menilai tahap kesejahteraan anggota dalam tempoh tiga tahun iaitu tahun 2019 hingga 2021. Manakala objektif khusus pembangunan IndeKA 2021 adalah seperti berikut:-



Mengenal pasti prestasi setiap domain bagi tujuan tindakan susulan pemegang taruh



Menentukan domain yang menyumbang terhadap koperasi dalam meningkatkan kesejahteraan anggota




Mengemukakan cadangan dan penambahbaikan kepada pihak pemegang taruh bagi meningkatkan kesejahteraan anggota koperasi

IndeKA mencakupi tiga (3) aspek utama iaitu sosial, ekonomi dan persekitaran. Aspek sosial merangkumi domain pembangunan kendiri, keberkesanan pengurusan dan hubungan sosial. Aspek ekonomi pula merujuk kepada domain ekonomi anggota. Aspek ketiga iaitu persekitaran mengambil kira domain kawal selia dan tadbir urus serta penggunaan teknologi.

Pembentukan domain ini juga telah diselaraskan dengan lima tujahan yang terkandung dalam Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (~~TransKom~~ 2021-2025). Perkara ini bagi memastikan IndeKA 2021 relevan dengan persekitaran semasa dan keperluan pemegang taruh.

Rajah 2 : Hubungan Antara ~~Tujahan Transkom dengan~~ Domain IndeKA 2021



DEFINISI OPERASI DOMAIN DAN INDIKATOR

DOMAIN EKONOMI ANGGOTA

Domain ini merujuk kepada kedudukan ekonomi anggota koperasi dari segi faedah kewangan dan pengurusan ekonomi yang diperoleh hasil daripada berkoperasi bagi membentuk nilai yang kolektif. Nilai kolektif inilah yang akan menyumbang kepada kesejahteraan anggota koperasi. Domain ini mengandungi dua indikator iaitu:

• Faedah Kewangan

Faedah Kewangan merangkumi manfaat kewangan yang diperoleh daripada koperasi seperti dividen, peluang latihan dan pendidikan, bantuan kebajikan yang diberikan oleh koperasi kepada anggota.

• Pengurusan Ekonomi

Pengurusan Ekonomi merujuk kepada keupayaan meningkatkan pendapatan anggota melalui aktiviti ekonomi koperasi, pengurusan kewangan anggota serta peluang pekerjaan dan keusahawanan.

DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI

Pembangunan kendiri merujuk kepada peningkatan dalam diri seseorang anggota koperasi yang telah dibangunkan secara optima dalam konteks ilmu berkoperasi, kemahiran dan komitmen dalam penglibatannya sebagai anggota koperasi. Pengukuran domain ini meliputi tiga indikator iaitu:-

• Ilmu Berkoperasi

Segala pengetahuan atau ilmu yang telah dipelajari berkaitan ilmu berkoperasi.

• Komitmen
Keterlibatan dan komitmen anggota terhadap aktiviti

• Kemahiran
Kebolehan anggota dalam menjalankan peranan dan tanggungjawabnya terhadap koperasi

DOMAIN KEBERKESANAN PENGURUSAN

Keberkesanan pengurusan koperasi yang diberikan oleh koperasi kepada anggota merangkumi proses perancangan, koordinasi, pengarahan, dan pengawalan semua sumber koperasi secara cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat dan penciptaan nilai secara kolektif. Ia merangkumi dua indikator pengukuran iaitu:-

• Kompetensi Pengurusan
Merangkumi aspek kemahiran, pengetahuan serta pengalaman pihak pengurusan dan pentadbiran koperasi dalam memastikan matlamat koperasi dan anggota dapat dicapai.

• Kualiti Pengurusan
Menekankan kepada eleman pengurusan yang berkualiti dalam pengurusan sumber manusia, sistem maklumat berkualiti serta penambahbaikan berterusan dengan mengambil kira elemen kepercayaan.

DOMAIN KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS

Merujuk kepada proses berstruktur yang dilaksanakan oleh koperasi untuk mengarah dan mengurus perniagaan serta hal ehwal koperasi bertujuan meningkatkan keuntungan dan kebertangungjawaban undang-undang. Ini adalah bagi mencapai nilai jangka panjang pemegang saham koperasi tanpa mengenepikan kepentingan pihak lain. Ia merangkumi tiga (3) indikator seperti berikut:

• Keberkesanan Lembaga Koperasi
Lembaga koperasi yang berjaya meningkatkan prestasi koperasi dan menjaga kepentingan anggota dengan mengambil kira aspek perundangan.

• Pengawasan Pengurusan
Peranan yang dimainkan oleh lembaga koperasi dalam menasihati, memantau dan menilai prestasi pengurusan.

• Ketelusan dan Integriti
Penzahiran yang komprehensif supaya anggota dan pihak berkepentingan mempunyai pemahaman yang jelas mengenai maklumat kewangan dan pengurusan koperasi serta melihat kepada kemampuan koperasi mematuhi perundangan, pengauditan, menetapkan dasar dan polisi perniagaan koperasi bagi menjaga kepentingan anggota.

DOMAIN HUBUNGAN SOSIAL

Ciri-ciri hubungan yang dibentuk oleh anggota koperasi dengan pihak dalaman dan luaran bagi tujuan meningkatkan keberkesanan hubungan jaringan yang dibentuk agar penciptaan nila secara kolektif dapat dicapai. Terdapat dua (2) indikator yang menerangkan domain ini iaitu:-

• Rangkaian Sosial
Keharmonian hubungan dan komunikasi antara sesama anggota, anggota dengan pengurusan koperasi dan pihak luar.

• Kerjasama Dalam Aktiviti Koperasi
Penglibatan secara kolektif atas rasa tanggungjawab sebagai anggota dalam aktiviti berkaitan koperasi. Ia bagi mencapai objektif sosial ekonomi dan konsep kerjasama oleh anggota dalam ekonomi koperasi yang selaras dengan prinsip ketiga koperasi (DKN, 2011-2020).

DOMAIN PENGGUNAAN TEKNOLOGI

Merujuk kepada persepsi terhadap teknologi dan sistem maklumat dari aspek kemudahan dan manfaat kepada anggota dan koperasi. Ia merangkumi dua (2) indikator yang telah dikenalpasti berdasarkan Model Penerimaan Teknologi seperti berikut:

• Penerimaan Teknologi
Penerimaan anggota koperasi terhadap teknologi yang boleh meningkatkan prestasi koperasi dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada anggota.

• Aplikasi
Penggunaan teknologi dalam konteks kajian ini merujuk pada penggunaan teknologi dalam pengurusan dan aktiviti koperasi yang dapat memberi manfaat kepada anggota.

DEMOGRAFI RESPONDEN

Profil responden bagi kajian ini mengikut kategori jantina, kawasan, bangsa, agama, umur, status perkahwinan, bilangan koperasi di anggotai, tahap pendidikan tertinggi, status pekerjaan sekarang, jumlah pendapatan bulanan, jumlah faedah kewangan yang diterima daripada koperasi pada tahun 2020, komposisi mengikut negeri, kumpulan sasar, fungsi koperasi dan kluster koperasi adalah seperti berikut:

1. Jantina




PEREMPUAN **854** | LELAKI **1258**

2. Kawasan




BANDAR **1516** | PERATUS **71.8%** | LUAR BANDAR **596** | PERATUS **28.2%**

3. Bangsa




82.5%	**Bumiputera Melayu**	Bilangan **1743**
0.7%	**Bumiputera Bukan Melayu**	Bilangan **15**
0.9%	**Bumiputera Sarawak**	Bilangan **18**
2.7%	**Bumiputera Sabah**	Bilangan **58**
4.0%	**Cina**	Bilangan **84**
8.8%	**India**	Bilangan **185**
0.4%	**Lain-lain**	Bilangan **9**


4. Agama




5. Umur



6. Status Perkahwinan



7. Bilangan Koperasi Yang Sedang Dianggotai



8. Pendidikan Tertinggi

Ph.D/DBA
Bilangan 17
Peratus 0.8%

Sarjana
Bilangan 132
Peratus 6.3%

Ijazah
Bilangan 540
Peratus 25.6%

Diploma
Bilangan 496
Peratus 23.5%

STPM/STAM/ Sijil/Matrikulasi
Bilangan 181
Peratus 8.6%



SPM/SPMW
Bilangan 564
Peratus 26.7%


SRP/PMR/PT3
Bilangan 109
Peratus 5.2%

Sekolah Rendah
Bilangan 61
Peratus 2.9%


Tidak bersekolah
Bilangan 7
Peratus 0.3%

Lain-lain
Bilangan 5
Peratus 0.2%

9. Status Pekerjaan Sekarang



Bilangan **682** | Bilangan **626** | Bilangan **419** | Bilangan **153**



Bilangan **82** | Bilangan **12** | Bilangan **138**

10. Jumlah Pendapatan Bulanan

RM1000.00 ke bawah
Bilangan **100**
Peratus **4.7%**

RM1001.00 > RM2000.00
Bilangan **321**
Peratus **15.2%**

RM2001.00 > RM3000.00
Bilangan **445**
Peratus **21.1%**

RM3001.00 > RM4000.00
Bilangan **418**
Peratus **19.8%**

RM4001.00 > RM5000.00
Bilangan **286**
Peratus **13.5%**



RM5001.00 > RM6000.00
Bilangan **169**
Peratus **8.0%**

Tiada pendapatan
Bilangan **102**
Peratus **4.8%**


RM9001.00 dan ke atas
Bilangan **84**
Peratus **4.0%**

RM8001.00 > RM9000.00
Bilangan **32**
Peratus **1.5%**

RM7001.00 > RM8000.00
Bilangan **54**
Peratus **2.6%**

RM6001.00 > RM7000.00
Bilangan **101**
Peratus **4.8%**

11. Jumlah Faedah Kewangan Yang Diterima Daripada Koperasi (2020)



RM100.00 ke bawah
Bilangan **442**
Peratus **20.9%**

RM101.00 hingga RM500.00
Bilangan **735**
Peratus **34.8%**

RM501.00 hingga RM1000.00
Bilangan **295**
Peratus **14.0%**

RM1001.00 hingga RM1500.00
Bilangan **95**
Peratus **4.5%**

RM1501.00 dan ke atas
Bilangan **159**
Peratus **7.5%**

Tiada
Bilangan **386**
Peratus **18.3%**

12. Tempoh Menjadi Anggota



2 tahun > 5 tahun
Bilangan **723**
Peratus **34.2%**

6 tahun > 10 tahun
Bilangan **621**
Peratus **29.4%**

11 tahun > 15 tahun
Bilangan **295**
Peratus **14.0%**

16 tahun > 20 tahun
Bilangan **165**
Peratus **7.8%**

Lebih 20 tahun
Bilangan **308**
Peratus **14.6%**

13. Fungsi Koperasi

Kredit



Jumlah Responden **848**
Peratus **40.2%**

Pembinaan



Jumlah Responden **59**
Peratus **2.8%**

Pengangkutan



Jumlah Responden **103**
Peratus **4.9%**

Pengguna



Jumlah Responden **302**
Peratus **14.3%**

Perindustrian



Jumlah Responden **9**
Peratus **0.4%**

Perkhidmatan



Jumlah Responden **472**
Peratus **22.3%**

Pertanian



Jumlah Responden **236**
Peratus **11.2%**

Perumahan



Jumlah Responden **83**
Peratus **3.9%**

14. Kumpulan Sasar



Jumlah Responden **516**
Peratus **24.4%**



Jumlah Responden **93**
Peratus **4.4%**



Jumlah Responden **736**
Peratus **34.8%**



Jumlah Responden **307**
Peratus **14.5%**



Jumlah Responden **460**
Peratus **21.8%**

15. Kluster



Jumlah Responden **907**
Peratus **42.9%**



Jumlah Responden **546**
Peratus **25.9%**




Jumlah Responden **272**
Peratus **12.9%**



Jumlah Responden **272**
Peratus **12.9%**

16. Negeri



Negeri	Jumlah Responden
Johor	98
Kedah	58
Kelantan	100
Melaka	53
Negeri Sembilan	46
Pahang	97
Perak	113
Perlis	17
Pulau Pinang	42
Sabah	69
Sarawak	51
Selangor	139
Terengganu	69
Wilayah Persekutuan	1160

SKOR KESELURUHAN

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2021

SKOR KESELURUHAN INDEKA 2021

Secara keseluruhannya kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia pada tahun 2021 berada di tahap memuaskan. Skor Indeks keseluruhan 74.6 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2018 iaitu 69.1.

Domain Ekonomi Anggota, Pembangunan Kendiri dan Pembangunan Teknologi menunjukkan peningkatan skor dari tahap sederhana kepada memuaskan. Manakala domain Keberkesanan Pengurusan, Tadbir Urus & Kawal Selia dan Hubungan Sosial kekal pada tahap memuaskan dengan peningkatan nilai skor berrbanding tahun 2018.

Rajah 3 : Skor Domain IndeKA Bagi Tahun 2018 dan 2021

TEMPOH MENJADI ANGGOTA	2018	2021
Ekonomi Anggota	Sederhana 65.4	Memuaskan 70.3
Pembangunan Kendiri	Sederhana 68.0	Memuaskan 75.1
Keberkesanan Pengurusan	Memuaskan 71.5	Memuaskan 76.5
Tadbir Urus & Kawal Selia	Memuaskan 72.9	Memuaskan 78.1
Hubungan Sosial	Memuaskan 72.6	Memuaskan 77.2
Penggunaan Teknologi	Sederhana 68.5	Memuaskan 74.8
Jumlah	Sederhana 69.1	Memuaskan 74.6

METODOLOGI

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2021

METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia. Rekabentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menerusi pengedaran soal selidik secara dalam talian kepada anggota koperasi di seluruh negara. Ini merupakan kajian Indeks kali kedua, setelah laporan indeks pertama dikeluarkan pada tahun 2018.

RANGKA PENSAMPELAN


Populasi bagi kajian ini terdiri daripada anggota koperasi yang keanggotaannya melebihi tempoh dua tahun dalam kalangan koperasi yang berdaftar sehingga 31 Disember 2020. Anggota yang terpilih mestilah merupakan anggota koperasi yang tidak memegang sebarang jawatan di koperasi. Kriteria koperasi yang terlibat adalah:

- Berstatus Aktif
- Koperasi Dewasa
- Peringkat Asas

Berdasarkan kriteria di atas, jumlah populasi kajian adalah 2,660,119 anggota. Jumlah minimum sampel bagi populasi kajian ini adalah sebanyak 384 (Krejie & Morgan, 1970).

Proses persampelan ditentukan menggunakan kaedah persampelan rawak berperingkat berdasarkan negeri, kluster dan kategori kumpulan sasar. Sejumlah 2313 anggota ditentukan secara berkadar (proportionate) seperti dalam Rajah 4.

Rajah 4 : Proses Pensampelan Berperingkat



Rajah 5 (a) : Definisi Kluster Koperasi



Rajah 5 (b) : Definisi Kumpulan Sasar Koperasi

Komuniti Sosial	Kumpulan berasaskan minat dan keperluan ikatan silaturrahim
Pekerjaan	Kumpulan berasaskan bidang profesion
Kumpulan Berkeperluan Khas	Kumpulan berasaskan demografik dan berkeperluan
Agensi Awam dan Swasta	Kumpulan berasaskan struktur dan governan organisasi
Komuniti Tanah Rancangan	Kumpulan berasaskan lokasi geografikal berkait dengan sokongan agensi pembangunan masyarakat

INSTRUMEN INDEKA

Indeks ini terdiri daripada enam domain iaitu:

- Ekonomi anggota
- Keberkesanan pengurusan
- Pembangunan kendiri
- Kawal selia dan tadbir urus
- Penggunaan teknologi
- Hubungan sosial.

Berdasarkan dapatan kajian pada tahun 2018, penambahbaikan dan pemurnian item telah dilakukan ke atas 83 item asal dan berlaku pengurangan sebanyak 10 item. Walau bagaimanapun pengurangan ini tidak menjejaskan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Jadual 3 menunjukkan jumlah domain, indikator dan item soal selidik.



Rajah 6 : Domain dan Indikator Instrumen IndeKA 2021



DOMAIN	Ekonomi Anggota	Jumlah item 2018	Jumlah item 2021
INDIKATOR	Faedah Kewangan	5	5
INDIKATOR	Pengurusan Ekonomi	5	4



DOMAIN	Keberkesanan Pengurusan	Jumlah item 2018	Jumlah item 2021
INDIKATOR	Kompetensi Pengurusan	10	9
INDIKATOR	Kualiti Pengurusan	4	4



DOMAIN	Pembangunan Kendiri	Jumlah item 2018	Jumlah item 2021
INDIKATOR	Ilmu Berkoperasi	7	6
INDIKATOR	Komitmen	8	6
INDIKATOR	Kemahiran	4	4



DOMAIN	Kawal Selia dan Tadbir Urus	Jumlah item 2018	Jumlah item 2021
INDIKATOR	Keberkesanan Lembaga Koperasi	6	5
INDIKATOR	Pengawasan Pengurusan	6	5
INDIKATOR	Ketelusan dan Integriti	7	7




DOMAIN	Hubungan Sosial	Jumlah item 2018	Jumlah item 2021
INDIKATOR	Rangkaian Sosial	6	5
INDIKATOR	Kerjasama Dalam Aktiviti Koperasi	6	4



DOMAIN	Penggunaan Teknologi	Jumlah item	
		2018	2021
INDIKATOR	Penerimaan Teknologi	5	5
INDIKATOR	Aplikasi	4	4

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini telah dilaksanakan melalui kajian rintis melibatkan 30 responden. Daripada keputusan cronbach alpha 0.984 menunjukkan keenam-enam domain tersebut adalah konsisten dan boleh dipercayai. Dapatan kajian rintis adalah seperti di Jadual 4.

Rajah 7 : ~~Laporan~~ Kajian Rintis IndeKA 2021



PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data dilaksanakan oleh enumerator yang dilantik dalam kalangan pegawai penyelia koperasi di setiap negeri. Taklimat diberikan kepada enumerator mengenai proses kutipan yang perlu dilaksanakan.

Senarai koperasi yang dipilih beserta jumlah responden bagi setiap koperasi telah dimaklumkan kepada enumerator. Tempoh kutipan data mengambil masa selama 30 hari mulai 2 Disember sehingga 31 Disember 2021. Proses pengumpulan data adalah seperti di Rajah 5

Rajah 8 : Proses Pengumpulan Data



KAEDAH PEMBENTUKAN SKOR INDEKS

Kajian ini menggunakan skor "0" sebagai skor minimum dan skor "100" sebagai skor maksimum. Semakin tinggi skor semakin baik kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia. Skala di bawah digunakan untuk lebih memudahkan pemahaman tentang kesejahteraan anggota. Untuk mendapatkan skor IndeKA, purata skor bagi semua 6 domain dan 14 indikator yang merangkumi 73 item ditentukan menggunakan formula berikut:

$$Skor\ Indikator : \overline{X}_{indikator} = \frac{\sum_{k=1}\left[\frac{M_k - M_k^s}{R}\right]}{n_{item}} \times 100$$
$$k = 1,2, \ldots, n_{item}$$

$$Skor\ Domain : \overline{X}_{domain} = \frac{\sum_{i=1} \overline{X}_{indikator,i}}{n_{indikator}}$$
$$i = 1,2, \ldots, n_{indikator}$$

$$Skor\ Indeks : \overline{X}_{indeks} = \frac{\sum_{d=1} \overline{X}_{idomain,d}}{n_{domain}} \times \text{wajaran domain}$$
$$d = 1,2, \ldots, n_{domain}$$

Di mana:-

$M_k = Min\ skor$

$M_k^s = nilai\ minimum\ skala$


$R = nilai\ maksimum\ skala - nilai\ minimum\ skala$

$n = bilangan$

PEMBERAT WAJARAN SKOR INDEKA

Penetapan wajaran bagi skor IndeKA telah ditetapkan oleh 10 pakar rujuk dalam industri. Jumlah wajaran yang telah ditentukan bagi setiap domain adalah seperti berikut:


Rajah 9 : Proses Pengumpulan Data



SKALA SKOR TAHAP KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI

Skala skor telah ditetapkan bagi memudahkan pemahaman dalam menentukan tahap kesejahteraan anggota.

Rajah 10 : Skala Skor Tahap Kesejahteraan Anggota Koperasi



DOMAIN
EKONOMI ANGGOTA

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2021

DOMAIN EKONOMI ANGGOTA

Domain Ekonomi Anggota mengandungi dua indikator iaitu:

- Faedah Kewangan; dan
- Pengurusan Ekonomi


Secara keseluruhan, domain ekonomi anggota berada pada tahap memuaskan dengan nilai skor 70.3 bagi tahun 2021. Nilai skor bagi indikator faedah kewangan dan pengurusan ekonomi masing-masing meningkat daripada 67.8 dan 63.0 (2018) kepada 71.0 dan 69.6 (2021). Ini menggambarkan tahap kepuasan anggota koperasi terhadap manfaat ekonomi mengalami peningkatan. Peningkatan ini disumbangkan oleh indikator faedah kewangan yang berada di tahap memuaskan berbanding pengurusan ekonomi di tahap sederhana.



Rajah 11 : Skor Domain Ekonomi Anggota

Domain


Ekonomi Anggota



2018	2021
65.4	70.3

Indikator


Faedah Kewangan



2018	2021
67.8	71.0

Indikator

Pengurusan Ekonomi




2018	2021
63.0	69.6

SKOR DOMAIN EKONOMI ANGGOTA BERDASARKAN LOKALITI

Nilai skor domain ekonomi anggota bagi lokaliti bandar pada tahun 2021 ialah kepada 71.5 (memuaskan) manakala nilai skor domain ekonomi anggota bagi luar bandar berada pada tahap sederhana iaitu 67.4. Berdasarkan dapatan analisis kajian ini, ia menggambarkan anggota koperasi di bandar lebih berpuas hati terhadap manfaat ekonomi yang diterima berbanding anggota koperasi di luar bandar.

Rajah 12 : Skor Domain dan Indikator Ekonomi Anggota Berdasarkan Lokaliti



ANALISIS SKOR DOMAIN EKONOMI ANGGOTA BERDASARKAN TEMPOH KEANGGOTAAN

Skor domain tempoh keanggotaan bagi kategori 2-5 tahun, 11-15 tahun, 16-20 tahun dan >20 tahun berada pada tahap memuaskan dengan nilai skor masing-masing 70.0, 71.7, 72.2 dan 72.9. Walau bagaimanapun, bagi kategori 6-10 tahun berada di tahap sederhana dengan nilai skor 66.0.


Rajah 13: Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota


TEMPOH MENJADI ANGGOTA	Ekonomi Anggota (Domain)	Faedah Kewangan (Indikator)	Pengurusan Ekonomi (Indikator)
2-5 Tahun	Memuaskan 70.0	Memuaskan 70.4	Sederhana 69.6
6-10 Tahun	Sederhana 68.5	Sederhana 69.4	Sederhana 67.6
11-15 Tahun	Memuaskan 71.7	Memuaskan 72.4	Memuaskan 71.0
16-20 Tahun	Memuaskan 72.2	Memuaskan 73.4	Memuaskan 71.0
>20 Tahun	Memuaskan 72.9	Memuaskan 73.8	Memuaskan 72.0

SKOR DOMAIN EKONOMI BERDASARKAN NEGERI

Analisis skor domain ekonomi anggota berdasarkan negeri menunjukkan 50% daripada jumlah keseluruhan negeri berada di tahap memuaskan, manakala 36% berada di tahap sederhana. Skor tertinggi di negeri Pahang iaitu 80.5 menunjukkan tahap sangat memuaskan, manakala Pulau Pinang mencatat skor terendah iaitu 51.0 pada tahap kurang memuaskan.

Rajah 14 : Skor Domain Ekonomi Anggota Mengikut Negeri





SKOR DOMAIN EKONOMI ANGGOTA BERDASARKAN STATUS PEKERJAAN


Analisis skor domain ekonomi anggota berdasarkan status pekerjaan berada pada tahap memuaskan bagi kategori berikut; penjawat awam, pekerja koperasi dan pekerja swasta dengan nilai skor 73.3, 73.2 dan 71.6 bagi tahun 2021. Manakala, kategori bekerja sendiri, suri rumah, mahasiswa dan tidak bekerja berada pada tahap sederhana dengan nilai skor antara 65.4 hingga 65.9.

Rajah 15 : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Status Pekerjaan

STATUS PEKERJAAN	Ekonomi Anggota (Domain)	Faedah Kewangan (Indikator)	Pengurusan Ekonomi (Indikator)
Penjawat Awam	Memuaskan 73.3	Memuaskan 73.8	Memuaskan 72.8
Pekerja Koperasi	Memuaskan 73.2	Memuaskan 74.4	Memuaskan 72.0
Pekerja Swasta	Memuaskan 71.6	Memuaskan 72.2	Memuaskan 71.0
Bekerja Sendiri	Sederhana 65.4	Sederhana 66.0	Sederhana 64.8
Suri Rumah	Sederhana 65.7	Sederhana 68.0	Sederhana 63.4
Mahasiswa	Sederhana 69.9	Sederhana 69.4	Memuaskan 70.4
Tidak Bekerja	Sederhana 65.8	Sederhana 67.4	Sederhana 64.2

Nilai skor domain ekonomi anggota bagi koperasi kluster besar, sederhana dan kecil berada pada tahap memuaskan masing-masing 74.6, 70.9, 70.7. Walau bagaimanapun, nilai skor indikator pengurusan ekonomi koperasi kluster kecil berada pada tahap sederhana (69.2). Manakala, koperasi kluster mikro mencatat nilai skor 59.7 iaitu tahap sederhana. Ia menggambarkan manfaat ekonomi yang diterima oleh anggota dalam kalangan koperasi kluster mikro lebih rendah berbanding kluster lain.

Rajah 16 : Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Kluster Koperasi



RUMUSAN

Berdasarkan skor domain dan indikator ekonomi anggota, program intervensi bagi koperasi setiap kluster koperasi perlu diperkasakan bagi memastikan kelangsungan koperasi dalam landskap perniagaan dapat dicapai. Justeru, kesejahteraan anggota akan lebih baik melalui lonjakan skor manfaat ekonomi hasil daripada aktiviti berkoperasi yang berimpak.

DOMAIN
PEMBANGUNAN KENDIRI

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2021

DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI

Domain Pembangunan Kendiri melibatkan tiga (3) indikator iaitu:

- Ilmu Berkoperasi;
- Komitmen; dan
- Kemahiran

Skor indeks bagi domain pembangunan kendiri menunjukkan peningkatan daripada 68.0 (sederhana) pada tahun 2018 kepada 75.1 (memuaskan) pada tahun 2021. Kesemua indikator bagi domain ini menunjukkan peningkatan dari tahap sederhana kepada memuaskan.




Rajah 17 : Skor Domain dan Indikator Pembangunan Kendiri


INDIKATOR	2018	2021
Ilmu Berkoperasi	Sederhana 68.8	Memuaskan 75.4
Komitmen	Sederhana 68.4	Memuaskan 76.4
Kemahiran	Sederhana 66.8	Memuaskan 73.6
PEMBANGUNAN KENDIRI	Sederhana 68.0	Memuaskan 75.1


SKOR DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI BERDASARKAN LOKALITI


Merujuk Rajah 17, pada tahun 2021, domain pembangunan kendiri berdasarkan kawasan bandar berada pada tahap memuaskan dengan skor 70.2, sementara kawasan luar bandar mencatatkan skor 67.3 iaitu pada tahap sederhana. Dapatan ini dapat membantu pihak pemegang taruh untuk memperkasakan program bagi meningkatkan ilmu berkoperasi. Antaranya dengan meluaskan akses dan menyediakan peluang latihan yang lebih banyak untuk anggota koperasi khususnya di luar bandar.


Rajah 18 : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Lokaliti





















Rajah 19 : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Umur



Pencapaian skor domain pembangunan kendiri bagi setiap kumpulan umur menunjukkan skor masing-masing di tahap sederhana kecuali bagi kumpulan umur 61 tahun ke atas iaitu memuskan dengan skor 70.9.


Dapatan ini menggambarkan bahawa anggota dalam kumpulan umur 61 tahun lebih menikmati manfaat ilmu berkoperasi yang menyumbang terhadap pembangunan kendiri. Skor kumpulan umur 18-30 tahun adalah lebih

rendah berbanding skor kumpulan umur yang lain.

SKOR DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI BERDASARKAN PEKERJAAN

Skor domain pembangunan kendiri bagi kategori pekerjaan menunjukkan skor pekerja koperasi berada di tahap sangat memuaskan. Skor kategori pekerja swasta, bekerja sendiri dan suri rumah berada pada tahap memuaskan manakala skor bagi penjawat awam, mahasiswa dan tidak bekerja menunjukkan tahap sederhana.


Rajah 20 : Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Status Pekerjaan




SKOR DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI BERDASARKAN KLUSTER KOPERASI

Pencapaian skor domain pembangunan kendiri bagi anggota dalam koperasi kluster mikro dan kecil berada di tahap memuaskan, sementara skor dalam kalangan anggota koperasi kluster sederhana dan besar menunjukkan tahap yang sangat memuaskan.

Rajah 21 : Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Kluster Koperasi





RUMUSAN

Berdasarkan skor domain pembangunan kendiri, program intervensi untuk anggota koperasi mikro dan sederhana perlu dimantapkan di masa hadapan agar memberi peluang dan akses yang lebih luas kepada anggota untuk meningkatkan ilmu berkoperasi. Dengan ini modal insan koperasi akan dapat diperkasakan dan diharap ia akan memberi impak yang baik terhadap peningkatan prestasi koperasi di masa hadapan.

DOMAIN
KEBERKESANAN PENGURUSAN

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI 2021

DOMAIN KEBERKESANAN PENGURUSAN

Domain Keberkesanan Pengurusan merangkumi dua indikator iaitu;

- Kompetensi Pengurusan; dan
- Kualiti Pengurusan


Skor indeks bagi domain keberkesanan pengurusan adalah 76.5 (2018:71.5) iaitu pada tahap memuaskan. Nilai skor pada tahun 2021 bagi kedua-dua indikator masing-masing menunjukkan tahap yang memuaskan. Skor kompetensi pengurusan ialah 76.4 berbanding 71.6 pada tahun 2018, manakala skor kualiti pengurusan ialah 76.6 berbanding 71.4 pada tahun 2018. Secara umumnya, persepsi anggota terhadap pihak pengurusan koperasi telah meningkat dan menyumbang terhadap kesejahteraan anggota berkoperasi.



Rajah 22 : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan

Domain


Keberkesanan Pengurusan



2018	2021
71.5	76.5

Indikator


Kompetensi Pengurusan



2018	2021
71.6	76.4

Indikator

Kualiti Pengurusan



2018	2021
71.4	76.6

SKOR DOMAIN KEBERKESANAN PENGURUSAN BERDASARKAN TEMPOH KEANGGOTAAN

Secara keseluruhannya skor bagi domain keberkesanan pengurusan berdasarkan tempoh keanggotaan menunjukkan tahap yang memuaskan. Secara purata, kepuasan anggota terhadap keberkesanan pengurusan semakin meningkat selari dengan peningkatan tempoh menjadi anggota koperasi. Faktor ini mungkin disebabkan oleh kematangan anggota koperasi dalam menilai hasil kerja yang dilaksanakan oleh pengurusan.

Rajah 23 menunjukkan tempoh keanggotaan lebih 20 tahun mempunyai skor yang tertinggi 80.5 iaitu sangat memuaskan berbanding tempoh keanggotaan 2-5 tahun dengan skor 75.3 iaitu di tahap memuaskan. Bagi anggota koperasi yang berumur 16-20 tahun, dapat dilihat bahawa skor keberkesanan pengurusan mencapai tahap sangat memuaskan pada tahun 2021.


Rajah 23 : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Tempoh Keanggotaan




SKOR DOMAIN KEBERKESANAN PENGURUSAN BERDASARKAN STATUS PEKERJAAN

Rajah 24 menunjukkan nilai skor dalam kalangan suri rumah adalah yang tertinggi (75.8) berbanding status pekerjaan lain. Sementara skor yang ditunjukkan oleh anggota dalam kalangan penjawat awam berada pada tahap sederhana berbanding pekerja swasta.

Rajah 24 : Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Status Pekerjaan





RUMUSAN

